

KESALAHAN TATABAHASA

MARKAH: _____/30

1. Adik telah dimasukkan ke **pasar raya** kerana disyaki menghidap penyakit demam denggi.
2. Pusat Perabot Kayu Jati menjual pelbagai jenis **masakan kampung** yang bermutu tinggi.
- 3 **Restoran seri rasa selesa** itu menghidangkan pelbagai masakan kampung yang sangat menyelerakan.
4. Wayang kulit sangat popular di negeri **kelantan** yang terkenal dengan jolokan negeri Cik Siti Wan Kembang.
5. Ibu **menanak** bubur jagung untuk hidangan minum petang.
6. Puan Rose **memasang** pokok bunga matahari di sekeliling rumahnya.
7. Cermin tingkap yang berdebu itu **dibasuh** oleh kakak dengan sehelai kain yang telah dibasahkan.
- 8 . Lagu Negaraku **ditarikan** oleh para murid dan guru-guru dengan penuh semangat.
9. **Kita** ingin berjumpa dengan bapa saudara kamu, Lai Ching," kata Cikgu Imran kepada Lai Ching
10. Datuk Sidek telah melatih anak-anaknya dalam sukan antarabangsa sehingga **dia** berjaya mengharumkan nama negara ke seluruh dunia.
11. **Apakah** nama murid yang mendapat johan dalam acara berlari 1500 meter?
12. **Mengapakah** caranya untuk membuat bakul daripada rotan ini?
13. "**Jemput** pastikan ejaan nama kamu betul sebelum kertas peperiksaan itu dihantar kepada saya," kata Cikgu Laila Maimon kepada murid-muridnya.
14. "**Haraplah** makan pisang goreng dan minum kopi yang dihidangkan ini," kata Puan Janet Khoo kepada tetamunya.
15. Pertandingan pidato peringkat daerah akan diadakan **dari** Dewan Sri Budiman.
16. Bekalan air disediakan **kepada** kawasan yang mengalami masalah gangguan bekalan air.
17. Abang menggantungkan gambar itu **di** dinding biliknya.

18. Pisang yang diperam oleh nenek di atas para itu sudah berwarna hijau dan boleh digoreng atau dibuat pengat.
19. Ibu yang paling sedih apabila mendapat tahu abang telah ditawarkan untuk menyambung pengajian di Universiti Teknologi Malaysia.
20. Ibu tidak sanggup untuk menyang ikan air tawar itu kerana tidak tahan dengan baunya yang masin.
21. Seikat tentera Malaysia telah dihantar ke Somalia untuk membantu mangsa kebuluran.
22. Pak Munawir menambat kerbaunya dengan sebutir tali pada pokok kelapa
23. Emak membeli beberapa naskhah bihun dengan harga yang murah di Pasar Raya Target.
24. "Kamu didenda kerana memetik dua utas bunga ros di taman bunga," kata guru disiplin kepada Boong Min.
25. Setiap bulan, Amy Choo melanggan sepucuk majalah Dewan Siswa untuk menambahkan ilmu pengetahuan.
26. Mak Cik Lijah membeli lima utas pisang berangan untuk dibuat kerepek.
27. Petani menemukan dua ulas bom semasa membajak tanah semalam.
28. Encik Norman memborong seratus sisir durian untuk dijadikan tempoyak.
29. Pihak polis telah merampas lima kuntum pistol daripada perompak semasa menyerbu pondok usang itu.
30. Datuk Jalaludin membeli beberapa bungkus tanah di Kampung Lekir untuk dibangunkan sebagai kawasan perindustrian.